

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
[BELURAN]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah program dan perancangan khusus Kementerian untuk membantu penjanaan pendapatan dan membantu golongan miskin dan miskin tegar penduduk luar bandar untuk keluar daripada belunggu kemiskinan memandangkan buat masa ini Sabah mempunyai bilangan penduduk miskin tegar paling tinggi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, insiden kemiskinan di luar bandar Sabah adalah pada 5.3% tahun 2016. Selain itu, purata pendapatan penduduk luar bandar di Sabah pada tahun 2016 adalah pada RM4,068.

2. Salah satu matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) yang dilancarkan pada 27 Jun 2019 yang lalu adalah untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar dari segi ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran. Sehubungan itu, bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, Kementerian telah melaksanakan program khusus untuk membantu penduduk luar bandar di dalam kategori miskin dan miskin tegar seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya

NO. SOALAN : 19

(PLKK), Program Peningkatan Pendapatan (PPP) serta program-program keusahawanan termasuk di bawah agensi KPLB seperti KEMAS, MARA dan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di luar bandar.

3. Selain itu, Kementerian juga telah mengenal pasti 5 daerah di Sabah, iaitu Tongod, Pitas, Kota Marudu, Kudat dan Beluran yang mempunyai pendapatan purata bulanan di bawah RM4,000, di mana penumpuan pembangunan akan diberikan kepada kampung-kampung di dalam daerah tersebut terutamanya yang berkaitan dengan program-program pembangunan ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk di kampung tersebut.

4. Kementerian juga sedang meneliti cadangan program-program baharu untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas khusus untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, seperti mana yang telah digariskan di bawah DPLB 2030.

Sekian, terima kasih.